

MANUSKRIP CAM SEBAGAI SUMBER SEJARAH BANGSA CAM

MOHAMAD ZAIN BIN MUSA

Terdapat pelbagai sumber yang digunakan dalam mengkaji Kerajaan Campa dan masyarakat rakyatnya. Sumber-sumber ini terdiri daripada sumber kuno yang tertulis dalam huruf Cina. Antaranya ada yang menyebut kepastian kewujudan kerajaan Campa yang dikenali sebagai Lin Yi pada tahun 192 Masihi. Berikutan itu ada pula sumber tempatan dalam bentuk inskripsi. Inskripsi terawal dalam bahasa Cam, salah satu bahasa dalam rumpun Melayu, wujud dalam abad ke 4. Dalam abad-abad berikutnya, inskripsi dalam bahasa sanskrit atau kedua-dua bahasa tersebut dijumpai di bumi Campa. Sumber-sumber lain mengenai Campa juga ditemui melalui catatan-catatan pengembara Arab Farsi mahupun Barat. Abad ke 19 memperlihatkan catatan yang lebih tersusun apabila ahli dalam pelbagai bidang kepakaran datang bersama dengan Perancis yang menjajah Indochina.

Selain dari sumber-sumber seperti tersebut di atas, manuskrip Cam harus diberi tumpuan khas kerana ia dihasilkan oleh masyarakat Cam sendiri. Sumber ini ditulis dalam bahasa mereka sendiri. Dan antaranya ada yang dihasilkan di Vietnam dan Kemboja.

Terdapat banyak manuskrip Cam yang terdapat di perpustakaan di Paris seperti di *Société Asiatique*, *Ecole Française d'Extrême-Orient* mahupun di *Mission Etrangère de Paris*. Terdapat 438 buah manuskrip dalam bahasa Cam Moden di Perancis dalam berbagai bidang, seperti ilmu hitam, agama, teknik binaan, hubungan dengan negara jiran, ilmu alam, bahasa, kamus, cerita rakyat, epik, sejarah, termasuk sejarah kerajaan Campa dan masyarakatnya.

Dalam rangka kajian mengenai sejarah masyarakat Cam di Kemboja pada awal abad ke-14, dijumpai sejumlah manuskrip yang menceritakan tentang bala ataupun nasib malang yang melanda masyarakat Cam. Ada juga yang menceritakan mengenai penglibatan mereka dalam pentadbiran dan kehidupan

politik kerajaan Kemboja pada abad tersebut. Di antara manuskrip yang banyak itu, perbincangan ini memilih sebuah manuskrip yang telah dikodkan sebagai CM39(36), untuk menjawab beberapa soalan mengenai Kajian Manuskrip Cam. Manuskrip ini tersimpan di perpustakaan *Société Asiatique* di Paris. Ia menceritakan beberapa peristiwa yang telah berlaku di Kemboja di antara tahun Kuda dan tahun Babi dalam kalendar masyarakat Cam iaitu di antara tahun 1846/47 dan 1863/64 tahun Masehi.¹

Makalah ini mengkaji nilai kesusteraan manuskrip Cam secara keseluruhan dan manuskrip CM39(36) secara khusus. Di samping itu kertas ini juga melihat secara ringkas kesan satu pemberontakan yang menyebabkan penghijrahan secara besar-besaran sekumpulan masyarakat Cam yang diketuai oleh seorang bergelar Po (berikut disebut Tuanku Po) dari kampung halaman mereka ke penempatan baru iaitu di beberapa daerah dalam provinsi Kompong Chhnang.

KEPENTINGAN KAJIAN MANUSKRIP CAM

Kisah yang diceritakan dalam mansukrip CM39(36) ini bermula pada tahun 1846/47 yang merupakan tahun berakhirnya zaman malapetaka yang berlaku di Kemboja, malapetaka yang bermula pada tahun 1835 dan berterusan hingga ke tahun 1847.² Pada tahun 1846/47 ini raja Kemboja, Raja Ang Duong telah naik takhta dan memerintah hingga ke tahun 1860. Dalam pemerintahan baginda, Kemboja menerima pertuanan atau naungan serentak kedua-dua kuasa jirannya iaitu Siam dan Vietnam. Cerita yang dikesahkan manuskrip tersebut tamat pada tahun 1863/64 iaitu permulaan pemerintahan yang lama Raja Norodom (1860-1904). Tahun 1863, tepat pada 11 Ogos, merupakan tarikh di mana hak-hak kedaulatan kerajaan Kemboja telah berpindah tangan kepada Perancis. Tarikh inilah yang merupakan permulaan protektorat Perancis ke atas Kemboja.³ Di antara kedua-dua tarikh tersebut, Kemboja boleh dikatakan berada dalam keadaan aman dan tenteram dari campur tangan jirannya, yakni Siam dan Vietnam.

Sebaliknya banyak peristiwa telah berlaku terhadap kerajaan dalam tempoh masa itu. Peristiwa yang dirakamkan dalam CM39(36) ini meliputi pemberontakan di provinsi Thbaung Khmum oleh tiga orang bersaudara yang bergelar Tuan, persaingan dalam merebut takhta di antara dua orang putera diraja iaitu Sivutha dan abangnya Raja Norodom setelah kemangkatan abang mereka, Raja Ang Duong serta akibat daripada pemberontakan terhadap masyarakat Cam di sebuah daerah dalam provinsi Thbaung Khmum. Terdapat banyak lagi

mansukrip Cam yang menceritakan tentang nasib malang seperti ini yang melanda masyarakat Cam dan juga orang-orang Melayu di Kemboja.

Kajian manuskrip seperti ini adalah sangat penting kerana apa yang diceritakannya sangat bernilai dalam kajian sejarah masyarakat Cam di Kemboja atau di Vietnam, mahupun sejarah kerajaan Kemboja itu sendiri. Di samping itu, manuskrip-manuskrip Cam tersebut merupakan sumber sejarah yang asli yang memperlihatkan satu pandangan lagi dalam menganalisa sesuatu peristiwa yang berkaitan dengan masyarakat Cam melalui pandangan mereka sendiri yang terlibat dalam peristiwa bersejarah di Kemboja mahupun di Vietnam. Pandangan mereka ini berbeza dengan pandangan orang Khmer pada satu masa dan kawasan dalam hal yang tertentu.

Ada beberapa sebab lagi mengapa kajian manuskrip ini sangat penting. Ramai sarjana kurang berminat dan tidak sanggup membuat kajian mengenai manuskrip-manuskrip Cam kerana kerumitannya. Kerumitan ini disebabkan oleh bahasa yang digunakan dalam manuskrip tersebut. Untuk membolehkan seseorang mengkaji manuskrip seperti ini, mereka harus tahu bahasa Cam, tahu bertutur, menulis dan membaca. Walaupun keseluruhan mereka yang boleh bertutur dalam bahasa Cam, pertuturan bahasa ini tidak lagi sama dengan bahasa yang ditutur pada abad ke 18 atau 19. Masalah yang lebih rumit lagi adalah pembacaannya. Ini adalah kerana tulisan Cam, jika dibandingkan dengan tulisan rumi bahasa Melayu hari ini di mana sesuatu perkataan dieja dengan mengelompokkan beberapa abjad. Hal ini boleh disamakan dengan huruf Jawi di mana seorang pembaca mesti mengetahui di mana beliau harus mengelompokkan abjad-abjad untuk menjadikan sebuah perkataan. Bagi pengkaji asing pula mereka mesti bermula dengan mempelajari bahasa Cam ini dari guru Cam yang kini tidak ramai.

Masalah kedua ialah campuran bahasa-bahasa asing dalam bahasa Cam, khususnya campuran bahasa Melayu, Khmer, Siam, Vietnam dan bahasa Arab. Dengan demikian untuk mengkaji manuskrip Cam, seseorang pengkaji itu harus menguasai beberapa bahasa tersebut. Pengaruh bahasa dalam manuskrip Cam akan dibincangkan di bawah ini.

SEJARAH PENGKAJIAN MANUSKRIP CAM

Di bawah ini kita memperkenalkan secara ringkas sejarah pengkajian manuskrip Cam. Hanya sejumlah kecil manuskrip Cam yang tersimpan di beberapa buah perpustakaan di Paris telah dikaji. Yang lain hanya dapat disenaraikan dalam beberapa buah terbitan. Selain itu sejumlah besar yang terjumpa dalam simpanan

orang perseorangan di Kemboja dan Vietnam belumpun disentuh lagi. Satu usaha dalam mengkatalogkan manuskrip Cam juga sedang dilakukan oleh Muzium Etnologi Dunia Melayu, Jabatan Muzium dan antikuiti Malaysia di bawah pimpinan En. Kamarul Baharin A. Kassim. Manuskrip-manuskrip tersebut adalah koleksi simpanan Muzium Etnologi Dunia Melayu.

Kerajaan Campa merupakan sebuah kerajaan berpengaruh Hindu-Buddha dan berbahasa Melayo-Polynesia.⁴ Inskripsi Kerajaan Campa pertama bertarikh abad ke-4 dalam bahasa Cam. Bahasa ini disebut “bahasa Cam lama”.⁵ Di samping itu terjumpa juga stela dalam bahasa Sanskrit. Kini didapati 206 buah transkripsi Campa yang telah dikenalpasti dan disenaraikan. Inskripsi tersebut telah disahkan sebagai inskripsi pertama yang dijumpai di Dunia Melayu dalam bahasa Melayo-Polynesia. Dengan pertemuan tersebut, serta dokumen dalam bahasa Cina, Vietnam dan Khmer, kita berjaya menyusun kembali sejarah Campa sejak zaman awal hingga ke tahun 1471. Pada tahun itu, ibu negaranya iaitu Vijaya, telah jatuh ke tangan Dai Viet. Sejak zaman tersebut, epigraf Campa hampir lenyap.

Tahun 1471 merupakan permulaan diaspora masyarakat Cam ke Kemboja, Semenanjung Melayu, khususnya Johor dan Melaka, serta juga kepulauan Indonesia khususnya Aceh. Mereka yang masih kekal menetap di Campa, yang hidup dalam kesengsaraan di bawah pemerintahan orang Viet. Mereka meneruskan tradisi menghasilkan penulisan bersejarah. Mereka yang telah berhijrah ke Kemboja juga tidak ketinggalan menghasilkan dokumen bertulis.⁶ Dokumen kali ini bukan lagi dalam bentuk epigrafi tetapi dalam bentuk manuskrip. Maka di sini lahirlah dua bentuk huruf yang berasal dari pengaruh yang sama, iaitu dari pengaruh India huruf dewanagari. Dua bentuk huruf yang hampir sama tetapi boleh dibezakan di antara satu sama lain, iaitu huruf yang boleh disebut *Huruf Cam Kemboja* dan *Huruf Cam Vietnam*. Kedua-dua jenis huruf tersebut adalah huruf “Cam moden”.⁷ Tempat asal manuskrip tersebut, sama ada dari Kemboja atau Vietnam, boleh juga dikenalpasti, dalam satu sudut yang lain, melalui kosa-kata serta struktur nahu⁸ yang digunakan.

Di Kemboja dan Vietnam, manuskrip dalam bahasa Cam ini masih terdapat dalam simpanan orang perseorangan. Manakala yang di luar Kemboja dan Vietnam, manuskrip-manuskrip Cam adalah dalam simpanan di beberapa buah perpustakaan Perancis dan di Cornell University di Amerika Syarikat.⁹ Hanya 438 buah manuskrip, tanpa mengira yang tertulis dalam huruf Cina¹⁰ atau Nom¹¹ yang ada dalam simpanan di perpustakaan Perancis telah disenaraikan. Kisah-kisah yang diceritakan itu telah diabadikan atas daun lontar dan yang lain di atas

kertas yang disebut “kertas Cina.” Yang terbaru ada dicatat atas kertas buku catatan sekolah biasa serta kertas beg simen.

Pengkajian manuskrip Cam telah bermula sejak akhir abad ke-19 lagi. Sarjana E. Aymonier merupakan peneroka dalam kajian ini. Akan tetapi oleh kerana beliau telah mengklasifikasikan manuskrip ini sebagai sumber yang “tidak mempunyai nilai besar” (“sans grande valeur”), penulis-penulis yang mengikuti hasil karya beliau telah percaya begitu sahaja tanpa membuat sebarang penyemakan. Mereka tidak menggunakan manuskrip ini sebagai bahan kajian mereka yang lebih mendalam. Hanya pada 1905 E. Durand, seorang lagi peneroka pengajian Cam telah mengisytiharkan bahawa manuskrip tersebut mungkin bukan “hanya cerita dongeng dan kekaburan” (“fables et confusions”). Selepas itu, iaitu sejak tahun 1920an, penyelidik pula kurang berminat tentang sejarah kerajaan Campa dan rakyatnya, orang Cam khususnya, kerana pakar-pakar kajian Cam hilang minat terhadap sejarah kerajaan Campa kerana, menurut mereka kekurangan dokumen dan kerumitan dalam pengkajian tersebut. Mereka lebih suka membuat kajian mengenai Vietnam atau bidang yang kurang sukar dan mempunyai lapangan yang lebih luas.¹²

Hanya selepas Perang Dunia ke-II barulah Campa kembali menjadi bidang yang menarik minat ahli penyelidik secara berterusan. Dengan demikian kajian mengenai Campa dihidupkan semula sejak tahun 1970an di Perancis oleh satu kumpulan penyelidik yang diketuai oleh P-B Lafont.¹³ Di Malaysia, kajian mengenai kerajaan Campa, mahupun hal ehwal kemasyarakatannya termasuklah kepercayaan serta kesusasteraannya diperluaskan lagi sejak tahun 1987. Ini kerana Malaysia berminat terhadap kerajaan Campa dan Dunia Melayu amnya dan telah membenarkan pembukaan pejabat *Ecole Française d'Extrême-Orient* (EFEO, Pusat Pengajian Timur Jauh Perancis) di Kuala Lumpur di mana penulis sendiri juga telah terlibat secara langsung dalam pembukaan pejabat wakil EFEO ini.

Dalam masa kira-kira tiga puluh tahun kebelakangan ini satu kumpulan pengkaji mengenai Cam dan Campa dari *Centre d'Histoire et de Civilisations Indochinoises* (CHCPI, Pusat Sejarah dan Peradaban Indochina) dari Seksyen IV Sorbonne, Paris yang diketuai Prof. P-B. Lafont telah menjalankan penyelidikan tentang manuskrip yang ditulis dalam bahasa Cam ini. Dari kajian yang telah dilakukan itu didapati bahawa manuskrip-manuskrip Cam tersebut bukanlah “cerita dongeng dan kekaburan” (“fables et confusions”) tetapi dokumen-dokumen yang sangat berharga dari segi sejarah dan kesusasteraan. Kumpulan ini telah pun mengkatalogkan sejumlah besar manuskrip yang tersimpan di Perancis. Hasil

kerja ini telah pun diterbitkan dalam dua buah buku. Buku pertama dihasilkan oleh P.-B. Lafont, Po Dharma dan Nara Vija dengan judulnya *Catalogue des manuscrits cam des bibliothèques françaises*, diterbitkan oleh EFEO, Paris pada tahun 1977. Buku kedua pula diterbitkan pada tahun 1981 juga oleh EFEO, Paris. Buku kedua ini dihasilkan oleh Po Dharma dan berjudul *Complément au Catalogue des manuscrits cam des bibliothèques françaises*.

Manuskrip Cam yang telah dikatalogkan itu merangkumi pelbagai bidang seperti berikut: aktiviti harian, astronomi, kalendar, upacara-upacara, upacara amal, agama Islam, Al-Quran, hikayat, perubatan, sejarah, geografi, azimat, arkib, lagu rakyat, cerita, surat-menyurat, kosmogoni, adat resam, pembesar, dewa, dewi, semangat, ketuhanan, salasilah keturunan, *travelogue*, horoskop, bahasa, ilmu hitam, perkahwinan, bidalan dan teka-teki, peribahasa, akhlak, farmakope, firasat atau petanda, teknik-teknik seperti teknik pertanian, pembinaan kereta lembu, rumah dan beraneka jenis lagi.

Nilai saintifik yang sebenar mansukrip tersebut tidak kira sama ada ianya dihasilkan di Vietnam mahupun di Kemboja telah dibuktikan dalam beberapa kajian lepas termasuk kajian penulis yang berjudul “Contributions à l’histoire du Panduranga (Campa) (la fuite de Po Cei Brei)” (Sumbangan kepada sejarah Panduranga (Campa) (Penghijrahan Po Cei Brei)), tesis di *Ecole Pratique des Hautes Etudes, IVème Section à la Sorbonne, Paris*. Tesis ini dihasilkan dengan menggunakan manuskrip CAM27 dan CM39(38). Hingga ke hari ini terdapat banyak hasil kajian yang menggunakan manuskrip Cam. Sebahagian besar dari hasil kajian-kajian tersebut telah pun diterbitkan.¹⁴ Dan banyak lagi akan diterbitkan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun banyak lagi manuskrip yang belum dikaji, khususnya yang berkait dengan ajaran Islam dalam masyarakat Cam.

MANUSKRIP CM39(36)

Berbalik kepada manuskrip contoh yang digunakan untuk kajian makalah ini, iaitu manuskrip CM39(36). Teks manuskrip ini adalah sebahagian dari manuskrip yang telah dikodkan CM39. Ia mengandungi 572 halaman dan disimpan di perpustakaan *Société Asiatique de Paris*. Ianya mengadungi 40 teks yang telah dikodkan CM39(1), CM39(2) dan seterusnya hingga ke CM39(40) dan nombor dalam kurungan merujuk kepada teks pertama, kedua dan seterusnya hingga ke teks yang ke-40. Teks-teks tersebut yang ditulis atas kertas buku sekolah biasa telah diikat menjadi sebuah buku. Saiznya adalah 200x310mm.

Teks manuskrip CM39(36) adalah teks yang ke 36 dalam manuskrip CM39 ini. Ianya merupakan sebuah teks berbentuk puisi merangkumi 1393

rangkap atau bait, panjangnya sebanyak 60 halaman. Halaman-halaman ini adalah dari halaman 475 hingga ke 534. Seperti juga teks-teks lain dalam manuskrip CM39, teks CM39(36) adalah dalam huruf Cam Kemboja yang cantik walaupun asal usulnya tidak ketahu. Penyalin manuskrip ini sangat teliti dan beliau sangat cermat dalam kerja penyalinannya. Ini boleh dilihat di sepanjang teks manuskrip ini di mana beliau telah membetulkan ejaan dengan menambahkan huruf-huruf di tempat yang kekurangannya, dan ini berlaku hanya lima kali sahaja sepanjang 60 halaman tersebut. Penambahan huruf ini dibuat pada halaman 490, 492, 498, 499 dan 508. Manakala di satu tempat lagi iaitu di halaman 507, beliau telah memadamkan satu huruf.

Transliterasi

Sistem transliterasi yang telah disediakan oleh *Groupe de Recherche Cam* (Kumpulan Pengkaji Cam) yang diterbitkan pada tahun 1977 dalam BEFEO jil. LXIV, Paris hal. 243-255 di bawah tajuk "*Etudes cam: Essai de translittération raisonnée du cam* (Pengkajian Cam: Esei mengenai transliterasi bahasa Cam yang bijak)" telah menjadi asas kepada semua transliterasi yang dilakukan oleh penulis. Sistem transliterasi (Lampiran 1) ini digunakan hanya untuk kepentingan saintifik di mana ianya menunjukkan secara tepat bagaimana perkataan Cam dieja dalam huruf Cam. Dan untuk memudahkan pembacaan pula, saya telah menggunakan sistem transkripsi yang berasaskan sistem ejaan rumi Malaysia (Lampiran 2).

Di samping itu terdapat juga masalah sebutan beberapa perkataan di mana satu perkataan itu digunakan dalam kedua-dua bahasa iaitu bahasa Khmer dan bahasa Cam. Contohnya di sebuah kampung yang bernama *Chrouy Cangva*, yang terletak di tanjung di hadapan Phnom Penh, ibu negara Kemboja. Nama kampung tersebut disebut "Chrouy Cang-va" dalam bahasa Khmer akan tetapi disebut "Chrouy Ca-ngva" pula dalam bahasa Cam. Perkataan "Chrouy" dalam bahasa Cam mahupun bahasa Khmer bermaksud "tanjung". Manakala perkataan kedua iaitu "Cangva" boleh ditafsirkan menurut sebutan "Chang-va" atau "Changva". Jika disebut "Chang-va" ia adalah perkataan dalam bahasa Khmer yang merupakan sejenis ikan air tawar berukuran lebih kurang 10 sentimeter. Manakala "Ca-ngva" pula ia adalah perkataan dalam bahasa Cam yang beerti *nyiru* yang dibuat dari buluh. "Ca-ngva" biasanya digunakan untuk menampi beras. Nama kampung ini ada disebut dalam manuskrip CM39(36) dengan ejaan "Ca-ngva", menurut sistem ejaan tersebut di atas. Oleh sebab itu, perbincangan di sini menggunakan sengkang (-) untuk menjelaskan sebutan sesuatu perkataan yang boleh menimbulkan kekeliruan. Transliterasinya menurut sebutan masyarakat Cam ialah "Ca-ngva".¹⁵ Terdapat beberapa buah perkataan lagi seperti ini yang boleh

menyebabkan kekeliruan bacaan dalam teks CM39(36) ini. Namun demikian dalam teks ini saya hanya menggunakan sistem transkripsi untuk memudahkan sistem bacacaan teks manuskrip tersebut.

Tokoh-Tokoh

Satu lagi masalah dalam kajian teks seperti ini adalah masalah mengidentifikasi tokoh-tokoh tersebut dalam sesebuah teks manuskrip mereka yang terlibat secara langsung dalam peristiwa sejarah Kemboja pada masa itu. Umumnya, teks-teks manuskrip seperti ini hanya menyebut gelaran mereka sahaja, dan gelaran ini pun kadangkala disebut hanya sebahagian dari gelaran penuh yang panjang. Terdapat dalam sepanjang teks CM39(36) ini, satu gelaran *Mbubit* yang disebut banyak kali tetapi berbeza-beza. Contohnya: *Matrei Bubit* (bait 313), *Bobit* (bait 748), *Po Bobit* (bait 951).

Satu gelaran lagi ialah *Chauvai Srok* (secara harfiah: ketua daerah atau probinsi, dan boleh disamakan dengan *Pegawai Daerah* atau *Menteri Besar/Ketua Menteri* dalam konteks Malaysia). Adalah amat sukar untuk mengidentifikasi tokoh yang memegang gelaran tersebut.

Secara umum, gelaran *Chauvai Srok* adalah merujuk kepada seorang gabenor sebuah daerah atau probinsi. Teks manuskrip hanya menyebut *Chauvai Srok* tanpa memberitahu *Srok* (daerah atau probinsi) yang mana satu di wilayah Kemboja. Ini merumitkan lagi kefahaman terhadap apa yang sedang diceritakan. Oleh sebab itu, kita harus mencari siapakah yang digelarkan *Chauvai Srok* itu dan yang memerintah *Srok* yang mana satu dengan mengidentifikasi gelaran penuh seseorang *Chauvai Srok* tersebut dengan gelaran yang diberi oleh raja Kemboja pada masa itu kepada pegawai daerah/probinsi baginda. Sebagai contoh, *Chauvai Srok* probinsi Thbaung Khmum digelarkan *Auv Rajun* (dalam bahasa Khmer *Oknha Orchun*); *Thammajo* (disebut *Oknha Thommea Décho* dalam bahasa Khmer) adalah gelaran *Chauvai Srok* probinsi Baphnom.

Di sini timbul satu lagi masalah untuk merapatkan jurang bunyi sesuatu sebutan dalam bahasa Cam dengan sebutan sebenar dalam bahasa Khmer. Sebagai contoh: sebutan *Orchun* dalam bahasa Khmer menjadi *Auv Rajun* dalam bahasa Cam; *Thommea Décho* dalam bahasa Khmer berbunyi *Thammajo* dalam bahasa Cam.

Oleh yang demikian timbul satu masalah yang lebih utama lagi iaitu bagaimana hendak memahami sebuah sejarah yang sedang diceritakan oleh penulis manuskrip seperti ini. Masalah ini timbul disebabkan penulis manuskrip

tersebut faham sangat tentang apa yang berlaku pada masa itu dan dengan tidak disedari beliau tidak memikirkan bahawa generasi akan datang yang akan membaca tulisannya yang tidak hidup semasa peristiwa itu berlaku dan juga tidak terlibat dalam peristiwa tersebut; dengan demikian generasi akan datang sukar untuk memahaminya jika cerita itu tidak dikisahkan dengan jelas sekali. Apabila seorang pengkaji memahami peristiwa yang sedang diceritakan itu (dengan merujuk kepada sumber lain sumber Khmer, Siam atau Vietnam), barulah watak-watak yang memainkan peranan dalam sejarah tersebut boleh dikenalpasti dengan lebih mudah.

Contohnya dalam konteks Khmer, nama gelaran seseorang pembesar mengandungi tiga bahagian. Bahagian atau kata pertama adalah perkataan yang menunjuk kepada “kategori di mana letaknya pemegang sesuatu gelaran, seperti: samtec, ukña, cau baña, brah, hluong, ghun, meun dan sebagainya); kata pertama ini diikuti dengan gelaran yang sebenar yang merupakan perkataan asal Sanskrit atau Pali; dan perkataan yang ketiga merupakan nama pembesar tersebut yang diberikan kepadanya masa kelahirannya”.¹⁶ Dalam hal ini teks-teks manuskrip ini ada menyebut hanya perkataan pertama ataupun perkataan kedua dijumpai juga gelaran mereka disebut dalam dua perkataan pertama dan kedua dan jarang sekali dijumpai gelaran lengkap yang mengandungi ketiga-tiga bahagian tersebut. Sebagai contoh: *auknya* (traskripsi Cam; disebut dalam manuskrip) dari kata asal Khmer Oknha (contoh gelaran-nama penuh: Oknha Moha Sena Meas; Meas adalah nama peribadinya).

Satu lagi masalah adalah ejaan yang tidak seragam bagi sesuatu perkataan. Terdapat dua atau lebih varian bagi sesuatu perkataan bergantung kepada kekerapan perkataan itu disebut dalam teks manuskrip. Berikut adalah beberapa contoh varian yang dengan jelasnya menunjukkan pengaruh bahasa lisan dalam bahasa bertulis, menurut citarasa pengarang manuskrip itu.

Varian Bahasa Cam

imam	imem
jalan	jalen
malam	malem ¹⁷
lakuk	likuk
pambas	pambais
Aca Sva	Aca Sava
Aum Rajun	Ung Rajun
Cavai Srauk	Japhvai Srauk

Bahasa Melayu

imam
jalan
malam
belakang
membangkitkan (orang untuk) memberontak (nama khas seseorang)
(satu gelaran)
(gabenor provinsi)

Kefahaman teks itu lebih rumit lagi apabila ditemui beberapa perkataan yang mengandungi huruf-huruf seperti huruf bh, gh dan y. Huruf tersebut berbeza di bahagian hujungnya. Huruf ini boleh dibezakan jika perkataan itu diketahui, dan jika erti perkataan itu tidak diketahui pembaca perlu merujuk kamus dengan mencari ketiga-tiga perkataan dengan menggantikan huruf yang disyaki itu dengan bh (B), gh (G) atau y (Y). Satu lagi kumpulan huruf yang boleh menyebabkan kekeliruan atau salah bacaan adalah huruf-huruf l, g dan t yang hampir sama bentuknya.

Akhir sekali, didapati kerumitan dalam kefahaman teks manuskrip ini disebabkan ianya ditulis dalam bentuk puisi. Ini kerana tiada peraturan yang jelas untuk dipatuhi dalam membentuk rangkap puisi. Penyusunan kata dalam bait-bait tertentu menyebabkan pembacaan lebih kompleks.

Pengaruh Bahasa Asing

Untuk memahami teks manuskrip Cam, pengkaji harus mengetahui bukan bahasa Cam sahaja tetapi harus biasa dengan bahasa negara jirannya (Khmer, Viet atau Vietnam, Melayu) serta juga bahasa yang mempengaruhi dan membentuk peradaban Campa iaitu bahasa Sanskrit, Pali dan Arab.

Pengaruh bahasa Khmer berlaku kerana masyarakat Cam yang kian lama tinggal di Kemboja bersama dengan masyarakat majoriti Khmer. Secara langsung mereka menerima pengaruh bahasa tuan rumah ini. Mereka terpaksa meminjam bahasa negeri kediaman iaitu untuk menerangkan sesuatu idea, sesuatu pengucapan atau pernyataan yang tidak terdapat dalam perbendaharaan kata mereka ataupun yang mereka sudah lupa. Sebagai contoh, di bawah ini disenaraikan beberapa perkataan Khmer yang terdapat dalam mansukrip tersebut:¹⁸

Perkataan Khmer (Transkripsi)	Perkataan Cam (Transkripsi)	Erti dalam Bahasa Melayu
dâmneng reachaka	tamanang rajaka	berita, pengetahuan perkhidmatan kepada raja (kerajaan), hal-hal pemerintahan
mésrok snâng réaksa	mesrauk sanaung raksa	ketua sesuatu daerah pengganti, wakil memelihara, memulihara, menjaga, merawat

chômréap	jumaryap	memberitahu dengan penuh hormat
toâp sruoch	dap srut	barisan hadapan dalam tentera.
réat tbat	rat tambat	mengambil, mengerahkan (tenaga), membebani (rakyat) dengan pelbagai tuntutan (secara sembarangan).

Gelaran-gelaran pembesar :

Perkataan Khmer (Transkripsi)	Perkataan Cam (Transkripsi)	Erti dalam Bahasa Melayu
oknha	auknya	Mandarin
cakrei	cakri	Menteri Pertahanan
youmreach	jumaryat	Menteri Undang-undang
kralahom	kalahum	Menteri tentera laut/sungai
mé khum	mekhum	Ketua kampung/daerah
mé kâng	mekaung	Pegawai (ketua) tentera; pegawai yang ditugaskan untuk memungut cukai
chaufây srok	japhvai srauk	Pegawai daerah/probinsi
changvang	cangvang	Ketua jabatan
chaukrâm	cau kraum	Hakim, magistrat
phneak ngea	panakngya	Pegawai, agen
sâmdach ¹⁹	sammandat	Tuanku, putera, puteri, bangsawan; (amnya bagi) raja, permaisuri
Maha Opareach	maha apbarat	“naib raja”

Sêna Thipadei	saena daeba-ndi	(raja muda) Gabenor provinsi Babaur
auchun	auv rajun	Gabenor provinsi Thbaung Khmum
smien	samyen	orang yg bekerja sebagai penulis segala tulisan

Pengaruh bahasa Melayu pula, termasuk yang juga perkataan Arab yang berkaitan dengan agama Islam wujud kerana kedua-dua masyarakat Cam dan Melayu berasal dari rumpun yang sama, iaitu Austronesia dan telah hidup bersama sejak sekian lama.²⁰ Mereka telah membentuk satu masyarakat yang homogen sehingga bagi mereka yang tidak berpengalaman, orang Khmer contohnya tidak boleh membezakan kedua-dua masyarakat tersebut.²¹ Pengaruh bahasa Melayu dan Arab ini bukan hanya dikesan dalam manuskrip Cam yang tertulis di Kemboja tetapi juga manuskrip yang ditulis di Vietnam. Terdapat perkataan Melayu/Arab yang kadang kala wujud secara bersendirian seperti “imam, malam”, kadang-kadang perkataan Melayu/Arab itu digandakan dengan perkataan asal Khmer atau Cam. Contohnya:

- “svar tinya”. Perkataan ini terdiri daripada dua perkataan. Yang pertama, perkataan Khmer “svar” dan yang kedua “tinya”, perkataan Melayu. Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai erti yang sama iaitu “bertanya, menyoal, menyiasat, menguji, menyelidiki”. Gandaan ini tidak menukarkan erti yang hendak disampaikan;

- “bimbang hatai”. Perkataan ini terdiri daripada dua perkataan, “bimbang” dan “hatai”. Yang pertama adalah kata Melayu, “bimbang” dan perkataan Cam “hatai”, yang beerti “hati”. Kata gandaan ini kekalkan erti “bimbang; dikhuatirkan, dibimbangkan; merungsingkan, membingungkan, menggelisahkan, iaitu satu perasaan dalam hati”.

Gandaan seperti ini, iaitu perkataan Khmer-Cam, Cam-Khmer, Melayu-Cam atau Cam-Melayu sering dijumpai dalam bahasa Cam.²²

Pengaruh bahasa Viet pula lebih menonjol khususnya dalam manuskrip yang ditulis di Vietnam. Namum demikian manuskrip-manuskrip Cam Kemboja juga memperlihatkan pengaruh bahasa Viet, khususnya gelaran-gelaran orang Viet mahupun gelaran Viet yang diberikan kepada pembesar-pembesar Khmer.

Contoh perkataan Viet adalah seperti Ndaiy, *kham lik*²³ yang merupakan gelaran pegawai tentera. Hal ini berlaku kerana sebelum pemerintahan Ang Duong, Kemboja diperintah oleh seorang raja perempuan, Ang Mei yang dilantik oleh pemerintah Vietnam. Dalam masa itu Kemboja terletak di bawah naungan Vietnam dan Vietnamisasi telah pun bermula.

Pengaruh Siam ini dirasakan meresap akibat dari pengaruhnya dalam kerajaan Kemboja khususnya selepas raja Ang Duong naik takhta pada tahun 1841. Dalam masa itu banyak perkataan Siam, khususnya gelaran Siam yang telah digunapakai, khususnya gelaran pembesar Siam yang dilantik untuk menjaga kepentingan kerajaan Bangkok di Oudong. Perkataan-perkataan Siam yang terjumpa dalam manuskrip CM39(36) adalah seperti *Bara Khleng*, *Cau Khun* iaitu gelaran dalam hierarki pemerintahan Siam.

Mengenai pinjaman dari perkataan-perkataan Sanskrit dan Pali pula, ianya mudah difahami kerana kedua-dua kerajaan Campa dan Kemboja telah menerima pengaruh peradaban India sejal awal abad Masehi lagi.

Sejumlah besar lagi manuskrip Cam dalam huruf *Cam Kemboja* atau huruf *Cam Vietnam* yang ada di perpustakaan Perancis masih lagi belum dimanfaatkan sepenuhnya. Kajian-kajian menerusi manuskrip seperti ini boleh memberikan penerangan terhadap banyak persoalan dalam sejarah yang berkaitan dengan masyarakat Cam Melayu atau hubungannya dengan kerajaan Kemboja, Vietnam dan Nusantara. Akan tetapi kini tidak menimbulkan minat kepada para penyelidik kerana yang telah disebabkan kesukaran seperti dihuraikan.

Tarikh manuskrip

Secara amnya, untuk mengenalpasti sesuatu tarikh bagi sesebuah manuskrip Cam merupakan satu masalah yang sukar untuk diselesaikan. Ini disebabkan umumnya pengarang atau penulis tidak menyebut tarikh bila mereka menulisnya. Kalau ditemui tarikh, biasanya tarikh ini adalah tarikh penyalinan itu dilakukan dan ianya disebut biasanya di penghujung teks manuskrip.

Manuskrip CM39(36) ini ada menyatakan tarikhnya di penghujung teksnya iaitu di bait-bait:

1392.gap yac hurak ni tamat jeh rei blauh di hurei but mang page

1393. gap yac lei halun kanal sit rei mada gap halei ngap ta nau gac

Terjemahannya adalah seperti ini :

1392. Wahai manusia (pembaca)! Penulisan teks ini telah siap pada pagi hari Rabu.
1393. Wahai manusia (pembaca)! Kepada sesiapa yang tahu sedikit [kisahnya] teruskan tulisannya.

Dengan demikian adalah mustahil untuk mendapat tarikh bila manuskrip ini ditulis ataupun disalin. Betapa rumitnya hal ini kerana ia hanya menyebut “penulisan(nya) telah siap pada pagi hari Rabu”. Di samping itu penulisnya merakamkan tradisi penulisannya dengan mengingatkan sesiapa sahaja yang ingin menyambungkan “karangan” sejarah masyarakat Cam maka teruskan rakaman/penulisan peristiwa bersejarah seperti ini. Dengan itu jelaslah bahawa ada dua perkara telah ditunjukkan oleh dua bait tersebut: Pertama tarikh penulisan atau penyalinannya dan kedua mengapa teks manuskrip ini dihasilkan.

Tujuan penghasilan manuskrip-manuskrip Cam

Kisah yang diceritakan di dalam teks manuskrip CM39(36) ini bermula pada tahun Kuda (bait 1), bersamaan tahun 1846/47 Masehi (lampiran 1). Manakala tahun yang terakhir yang tersebut dalam teks ini adalah tahun Anjing (bait 1156) bersamaan dengan tahun 1862/63 Masehi. Namun demikian teks tersebut terus menceritakan peristiwa yang berlaku hingga ke tanggal 3 Jun 1864, tarikh penabalan raja Norodom. Penabalan ini dilakukan di hadapan wakil raja Chaum Khlav, raja Siam, dan wakil maharaja Perancis (bait 1347-1358). Pembaca boleh mendapat tarikh-tarikh tersebut serta kesamaan dengan takwim Masehi dengan membandingkan peristiwa yang diceritakan itu dengan sumber lain seperti sumber Khmer, Siam, Vietnam dan Perancis. Dengan mengambil kira tarikh terakhir yang boleh didapati dari penulisan teks CM39(36) ini serta tidak ada faktor lain. Pembaca boleh menganggap bahawa tarikh penulisan manuskrip ini adalah selepas tahun 1864, iaitu tarikh tamat cerita yang diceritakan teks manuskrip ini.

Untuk menjawab soalan “mengapa” atau “untuk siapa” teks tersebut dihasilkan, pembaca harus melihat sejarah kerajaan Campa dalam hal peninggalan karya-karya sasteranya. Kerajaan Campa pernah menghasilkan lagi peninggalan-peninggalan bertulis seperti inskripsi dan kemudian manuskrip dalam bahasa Cam,²⁴ Cina²⁵ dan Nom sejak abad ke-4. Bahasa Cam telah memperlihatkan evolusi tulisannya yang bermula dengan tulisan seperti dalam batu bersurat yang disebut tulisan “Cam kuno”. Huruf Cam yang dikenali dan yang digunapakai kini pula disebut tulisan “Cam moden”. Dan ada pula tulisan di antara kedua-dua tulisan kuno dan moden itu yang disebut tulisan “Cam pertengahan”.

Peninggalan-peninggalan tersebut yang telah dihasilkan oleh masyarakat Cam sendiri memperlihatkan secara tulen sejarah negara mereka, sejarah raja-raja (*putau campa*) mereka serta raja-raja (*putau*) yang memerintah Panduranga,²⁶ kehidupan harian mereka, kehidupan sosio-juridiko-ekonomi dan lain-lain. Peninggalan tersebut ada juga menyebut hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat lain di Campa seperti masyarakat *Khinh Cuu*²⁷, masyarakat Raglai, Cru, Kahauv dan lain-lain. Bidang-bidang penulisan lain seperti kesusasteraan, cerita, legenda, epik dan sebagainya seperti tersebut di awal bab ini juga telah dirakamkan dalam bentuk manuskrip seperti manuskrip CM39(36) ini.

Penghasilan penulisan-penulisan seperti tersebut di atas adalah bertujuan untuk mengajar generasi akan datang bermacam pengajaran, seperti ajaran keagamaan, teknik membuat rumah dan sebagainya, dan satu segi lagi adalah untuk memberi pelbagai pengetahuan seperti geografi, salasilah, sejarah dan lain-lain lagi. Sehingga kini masih ada manuskrip-manuskrip Cam yang sedang dihasilkan. Penghasilan baru ini bersifat sama ada menyalin semula manuskrip lama ataupun penulisan teks baru. Oleh yang demikian, penghasilan manuskrip seperti yang tersebut ini adalah satu tradisi masyarakat Cam untuk menghasilkan dokumen bertulis bagi menyampaikan kepada masyarakat akan datang mengenai pengetahuan pada zaman mereka (penulis), penghasilan hal-hal kesusasteraan, sejarah atau hal-hal lain lagi. Tradisi ini nampaknya akan berterusan.

Dalam kes manuskrip CM39(36), kisah yang diceritakan sudah pasti menggambarkan satu pandangan orang Cam yang hidup pada ketika itu. Pembaca memahami bagaimana mereka hidup dalam tragedi yang melanda Kemboja. Bersama-sama masyarakat Khmer yang menyebelahi pasukan diraja, masyarakat Melayu dan Cam dari Barying (Pring) melawan pemberontak-pemberontak yang juga terdiri dari orang Cam dan Khmer dan akhirnya membebaskan negeri mereka dari malapetaka yang buruk itu.

Walau bagaimanapun akibat dari kancuh pergolakan politik yang melanda Kemboja pada tempoh hari (tahun 1858), masyarakat Melayu-Cam dari Kampung Barying (Pring) (kini dalam daerah Koh Sautin dalam provinsi Kompong Cham) terpaksa berpindah ke satu kawasan lebih kurang 200 kilometer jauh hingga ke beberapa kampung di Provinsi Kompong Chhnang.

Oleh kerana jumlah mereka ramai termasuk perempuan, orang tua dan kanak-kanak, mereka mengambil masa tiga hari untuk bersiap sedia. Dalam perjalanan mereka ada beberapa ketika mereka diiringi oleh pasukan keselamatan diraja (bait 261-288, 339). Di satu ketika, Tuanku Po mengambil kesempatan semasa raja Ang Duong yang sedang mengawasi pasukan tenteranya

untuk pergi menghadap baginda. Raja Khmer tersebut sangat prihatin terhadap Tuanku Po dan pengikut-pengikutnya. Dengan murah hati raja Ang Duong menyuruh pengiring baginda memberi beras kepada mereka dan meminta mereka meneruskan perjalanan (bait 308, 311).

Manuskrip CM39(36) ini telah merakamkan juga kemurahan hati orang Khmer, dari orang kampung hingga ke mandarin, terhadap orang Melayu-Cam ini. Pelarian atau penghijrah-penghijrah ini dihadiahkan apa sahaja yang mereka perlukan sepanjang masa perjalanan ini (bait 387-388, 415). Di Jeng Brei, Japhvai Srauk (Gabenor daerah) Jeng Brei memberikan bekalan untuk membolehkan mereka meneruskan perjalanan mereka (bait 429-430). Mereka juga bertemu dengan orang Khmer yang sangat menyenangkan. Orang Khmer ini memberi beras serta ikan kering (bait 345). Bukan masalah bekalan sahaja yang dihadapi orang Melayu-Cam ini, mereka terpaksa menghadapi satu lagi nasib malang iaitu penyakit cacar dan kematian yang melanda kanak-kanak (bait 390-393, 487-488, 491-492).

Semasa berada di Khlang Sambaik (Khléang Sbêk) (bait 505-508), di mana mereka tinggal beberapa ketika, Tuanku Po dengan diiringi oleh Maha Matrei (Oknha Mohamontrei) pergi menghadap raja di Oudong. Pada masa inilah raja Ang Duong dengan rasminya memberi kebenaran kepada Tuanku Po dan pengikut-pengikut untuk menetap selama-lamanya (bait 528-529) di *Brei Bih* (Prey Pus), *Tabang Chuk Sauv* (Trapéang Chouk Sâr) dan *Prei Sraiy* (Prey Srê) (bait 559-563). *Sena Dabadei*, *Srei Tabaih* dan *Juphvai Srauk* ditugaskan oleh raja untuk mengagih-agihkan bidang tanah kepada mereka (bait 557-559). Tuanku Po memilih untuk menetap di Tabang Chuk Sauv (bait 560). Ada juga di kalangan mereka yang berpindah ke *Jrvei Ca-ngva* (Chruoy Changvar) (bait 915), sebuah tanjung di hadapan Phnom Penh.

Apabila dilihat jaraknya dari kampung Barya (Pring) ke Kompong Chhnang, mengikut jalan yang sedia ada hari ini, ia hanya lebih kurang 200km sahaja. Akan tetapi dengan mengambil kira keadaan dalam tahun 1850an, keadaan keselamatan yang ada pada ketika pemberontakan tersebut serta juga kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh mereka, iaitu kereta lembu dan perahu, adalah wajar mereka memerlukan masa yang panjang, sehingga beberapa bulan untuk sampai ke destinasiya. Sebab kedua adalah jumlah mereka yang ramai, termasuk orang tua, perempuan dan kanak-kanak serta wabak yang mereka hadapi (bait 418). Perjalanan yang lama ini, iaitu dari musim kering hinggalah ke musim banjir, dibuktikan dalam bait 336-338, 497-498. Kerumitan dalam perjalanan tersebut membuatkan Tuanku Po mengeluh akan nasib dirinya dengan mengatakan “setiap

hari aku menginap dalam kereta lembu tanpa sebarang perlindungan untuk berehat” (bait 556).

Seperti yang dihuraikan di atas memang benar bahawa penghasilan dokumen bertulis telah menjadi tradisi masyarakat Cam. Walau bagaimanapun, dalam hal ini boleh dipersoalkan adakah kisah yang diceritakan dalam manuskrip CM39(36) ini ditulis atas permintaan pemerintahan Khmer. Terlintas dalam fikiran pembaca kerana terdapat sebahagian dalam manuskrip CM39(36) ini yang hampir sama dengan sebahagian yang diceritakan dalam Eng Sot (1969, *Ekasa maha boroh khmer* (Dokumen Pembesar-pembesar Khmer, yang bersumberkan manuskrip Khmer). Sedangkan tulisan Eng Sot adalah satu penghasilan semula kronikel Véang Juon (VJ).²⁸ Dan kita telah mengetahui bahawa kronikel VJ adalah sebuah karya yang dihasilkan atas permintaan raja Norodom pada 27 Mac 1903, di mana seorang menteri bernama Oknha Véang Juon telah dilantik untuk mengetuai sebuah suruhanjaya untuk menulis kronikel diraja yang baru.

Oleh kerana teks CM39(36) tidak memberi sebarang petanda seperti tersebut di atas, sebaliknya ia ada menyebutkan “Wahai manusia (pembaca)! Sesiapa yang kenal Sit dan yang berkehendak menyambungkan penulisan ini, maka buatlah” (bait 1393), difahami bahawa dengan jelas hasil kerja ini bukan kerja yang diarahkan oleh mana-mana pihak. Dan untuk mengabadikan tradisi penulisan ini, “penulis” telah mencadangkan kepada sesiapa sahaja yang tahu sejarah bangsanya untuk teruskan penulisan sejarah bangsa Cam, yang hidup di negeri yang menerima mereka seperti Kemboja.

Bagi nya, beliau telah tamat “karangan teks ini ...pada pagi hari Rabu” (bait 1392). Dengan demikian kita mendapati tanpa sebarang keraguan bahawa manuskrip CM39(36) ini adalah hasil inisiatif seorang yang berhasrat bahawa sejarah masyarakat Cam juga ditulis secara berterusan oleh orang Cam sendiri.

Akhir sekali, dengan mengkaji manuskrip CM(39(36), serta juga manuskrip-manuskrip lain, didapati bahawa bukan sahaja sudut sejarah yang boleh dikaji malah sudut bahasa, pengaruh bahasa asing, adat resam dan lain-lain boleh juga dikaji. Dengan demikian, kajian Campa bukanlah satu lapangan yang sempit tetapi luas bagi seseorang ahli ilmiah. Lebih-lebih lagi jika saya kutip petikan yang disebut oleh Dato' A. Aziz Deraman : “amanat terakhir Almarhum Presiden Soekarno bahawa bangsa yang besar adalah bangsa yang menghargai sejarah bangsanya.”²⁹

NOTA AKHIR

¹ Oleh kerana tahun-tahun yang disebut dalam manuskrip ini *tahun haiwan*, tahun-tahun ini melihatkan dua tahun dalam kalendar Gregorian, maka dalam sepanjang teks ini, saya menulis kesamaannya dalam bentuk seperti 1846/47.

² Bagi sejarah kerajaan Kemboja, tahun 1835 merupakan tarikh yang amat malang kerana ianya merupakan permulaan zaman di mana Vietnam telah melantik seorang puteri menjadi Raja Kemboja berlawanan dengan adat orang Khmer yang telah lama dipraktikkan. Puteri ini menjadi Raja Ang Mei yang memerintah hingga ke tahun 1847 setelah bapanya, Raja Ang Chan mangkat pada 1835 dengan tidak meninggalkan seorang putera pun. Dengan melantik Raja Ang Mei, tujuan Vietnam adalah untuk bersiap sedia memasukkan Kemboja ke dalam wilayah Vietnam (Norodom S., tt., hal. 28).

³ Perjanjian protektorat di antara Maharaja Perancis dan Raja Kemboja telah ditandatangani pada 11 Ogos 1863 oleh raja Norodom di hadapan wakil Maharaja Perancis, Laksamana la Grandière, Gabenor dan Panglima Tertinggi di Indochina.

⁴ P.-B. Lafont 1991. "Les grandes dates de l'histoire du Campa". Bab dalam buku *Le Campa et le Monde malais, actes de la conférence internationale sur le Campa et le Monde malais*. Paris: CHCPI. Hal. 7-26.

⁵ Dikelaskan sebagai huruf « Cam Lama » huruf dalam inskripsi, diikuti dengan huruf « Cam Pertengahan » bagi huruf antara « huruf Cam Lama » dan huruf « Cam Moden » yang merupakan huruf Cam yang digunapakai kini. Lihat juga Pogadaeva, Polina. 2003. "Komuniti Cham" dalam *Dewan Budaya*. Oktober 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Hal. 46-47.

⁶ Satu lagi makalah, oleh penulis sendiri, mengenai "Manuskrip Cam di Kemboja" akan diterbitkan tidak lama lagi hasil kerja yang dibentangkan dalam satu seminar mengenai manuskrip.

⁷ Mengenai huruf Cam, lihat kajian yang dilakukan oleh E. Aymonier 1889 dan E. Aymonier & A. Cabaton 1906, hal. 7-34.

⁸ Sebuah buku mengenai Nahu Cam sedang dihasilkan oleh sekumpulan penulis.

⁹ Lihat Nicholas Weber, 2004. *Manuskrip Dalam Tulisan Cam Vietnam di Amerika*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Campa (Warisan Tamadun Bangsa) 6-7 Disember 2004 Anjuran Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia dengan Kerjasama Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO).

¹⁰ Manuskrip dalam huruf Cina dikaji oleh Dr. Danny Wong Tze-Ken. Lihat Danny Wong Tze-Ken 2005. *Arkip Kerajaan Campa pada abad ke 17 hingga 19*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Campa (Warisan Tamadun Bangsa) 6-7 Disember 2004. Anjuran Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia dengan Kerjasama Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO).

¹¹ Huruf Nom adalah satu sistem transkripsi perkataan Vietnam dengan menggunakan huruf Cina. Teks dalam bahasa Cina dan Nom telah diinventori dan diterbitkan dalam *Inventaire des archives de Panduranga du fonds de la Société Asiatique de Paris (pièces en caractères chinois)*, Paris: CHCPI. 1984.

¹² Lihat P.-B. Lafont 1981(II), hal. 11-27.

¹³ Lihat P.-B. Lafont 1988, hal. 7-25.

¹⁴ Di antaranya adalah : 1- Lafont, P.-B. 1973, "La péninsule indochinoise"... mengenai pengkajian tentang kerajaan Campa (1922-1972) di hal. 194-195. 2- G. Moussay 1975, *Akayet Devamano*, ... kajian mengenai sebuah hikayat Cam. 3- Nara Vija & Po Dharma 1976, "Etat des

manuscrits cam (fonds de l'EFEO)"...memberi keterangan tentang manuskrip Cam. 4- Nara Vija 1976, *Une epopée classique cam:...* 5- P.-B. Lafont, Po Dharma & Nara Vija 1977, *Catalogue des manuscrits cam ...* 6- Po Dharma 1978, *Chroniques Du Panduranga,...* memberi senarai nama raja-raja Panduranga. 7- Po Dharma 1981, "Kesusasteraan Cam" ... memberi satu inventori kesusasteraan Cam. 8- Po Dharma 1987, *Le Panduranga ...* yang menunjukkan bahawa Campa merupakan sebuah kerajaan multi-etnik merangkumi wilayah di persisiran pantai dan dataran tinggi yang wujud hingga ke pertengahan abad ke-19. 10- Mohamad Zain Bin Musa 1990, *Contributions a l'histoire du Panduranga (Campa) ...*menerangkan penghijrahan Po Cei Brei dan penempatannya di Kemboja. 11- Mak Phoeun 2003. *Notes sur les premiers établissements des Cam et des Malais dans les provinces de Chou-doc et de Tay-ninh (Sud Vietnam)*. Bab dalam buku *Peninsule indochinoise et Monde malais (Relations historiques et culturelles)*. Po Dharma & Mak Phoeun (Edt). Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia & Ecole Francaise d'Extreme-Orient. Hal 75-98.

¹⁵ Adalah menarik juga bahawa ada sebuah tanjung di pantai barat daerah Bretagne, Perancis, yang bernama *Pointe du Van* yang secara harafiah beerti "Jrui Ca-nga".

¹⁶ Mak Phoeun 1995 hal. 32.

¹⁷ Menurut ejaannya, *imaç* , *jalaçn*, *malaç* dibaca "imang, jalang malang" bagi perkataan «imam, jalan, malam» seperti disebut dalam loghat Terengganu. Kita tertanya-tanya sama ada perkataan-perkataan tersebut, dan banyak lagi, dipengaruhi oleh logat Terengganu. Oleh demikian ianya boleh jadi satu lagi tajuk kajian yang menarik mengenai pengaruh loghat-loghat Melayu dari Semenanjung Malaysia ke dalam bahasa Cam.

¹⁸ Tanpa mengambil kira perkataan Khmer yang telah dipinjam dalam bahasa Cam di Kemboja, terdapat 82 perkataan Khmer yang diguna dalam manuskrip CM39(36).

¹⁹ Lihat Pierre Bitard 1957, « Études khmères. Les membres de la famille royale du Cambodge et leurs titres d'après l'ordonnance de S. M. Aß "uoß » in *BEFEO* jld. XLVIII, bhg. 2, hal. 563-579, mengenai gelaran dan hieraki ahli keluarga diraja Khmer yang disenaraikan pada abad ke-19 oleh raja Ang Duong.

²⁰ Dalam hal ini, lihat Po Dharma 1981 hal. 161-183; Mak Phoeun 1988 hal. 83-93 ; Marcel Ner 1941 "Les musulmans de l'Indochine française" in *BEFEO*, jld. XLI, hal. 151-200; Po Dharma 1990, "Kehadiran orang Melayu di Campa dan Kemboja (La présence des Malais au Campa et au Cambodge)" in *Majalah Berita Foto: Eksklusif*, Mei 1990, hal. 25-26 + illustrations. Mohamad Zain Bin Musa 1991 & 2001.

²¹ Mohamad Zain Bin Musa 1991 & 2001.

²² On lit entre autre Po Dharma "Pengaruh Melayu dalam Bahasa dan Sastera Campa (Indochina)" dlm. *Hari Sastera GAPENA* 1993, Kuala Lumpur.

²³ Dari perkataan Vietnam *dôi* (sarjen) dan *kham ly* (Mandarin sivil atau tentera dalam masa pemerintahan Ngyên).

²⁴ Semua manuskrip huruf Cam di Paris telah dikatalog dan diterbitkan. Katalog manuskrip Cam yang tersimpan di *Bibliothèque Nationale de Paris*, lihat A. Cabaton 1912, *Catalogue sommaire des manuscrits indiens, indochinois et malayo-polynésiens*, E. Leroux, Paris ; yang tersimpan di *Socité Asiatique, Ecole Française d'Extrême-Orient, Mission Erangère de Paris* dan di *CHCPI*, lihat P.-B. Lafont, Po Dharma dan Nara Vija 1977, *Catalogue des manuscrits cam des bibliothèques françaises*, PEFEO, Paris serta Po Dharma 1981, *Complément au Catalogue des manuscrits cam des bibliothèques françaises*, PEFEO, Paris.

²⁵ Danny Wong Tze-Ken 2005. *Arkib Kerajaan Campa pada abad ke 17 hingga 19*.

²⁶ Lihat *Inventaire des archives de Panduranga du fonds de la Société Asiatique de Paris (pièces en caractères chinois)*. Paris : CHCPI, 1984 ; hal. 11.

²⁷ *Khing Cuu* adalah pendatang-pendatang Viet kuno yang telah berasimilasi dengan masyarakat Cam

²⁸ Dari halaman 750, Eng Sot 1969 merujuk hanya Kronikel Diraja Véang Juon (Mak Phœun 1995 hal. 17). Kronikel Diraja Véang Juon 1934 ini merupakan sumber yang lengkap mengenai sejarah Kemboja pada abad ke-19 (1989, hal. 13).

²⁹ Lihat teks Dato' A Aziz Deraman dalam buku ini juga.

RUJUKAN

Manuskrip Cam:

CM38(8)
CM38(17)
CM39(24)
CM39(37)
CM39(38)
CAM27

Dokumen dalam bahasa Khmer

- Chhim Krásém 1969, *Préah Réach Pithi Tvéa Tos Méas* (Cérémonies des douze mois), Phnom Penh, Edisi ke-3, Jld. I, 201 hal.
- Eng Sot 1969, *Eksa maha boroh khmer* (Documen Pembesar-pembesar Khmer), No. 1-76, Phnom Penh: Imprimerie Antrachéat, 1216 hal.
- Keo Bun Thøun 1995, *Krung Phnom Penh Mun chhnam 1954* (La ville de Phnom Penh avant 1954), Montréal: Apsara, 151 hal.
- Leclère A. t.t. *Pongsavada khmer robos lok le Résident, mairie de Phnom Penh*, hal. 165.
- Pal Ros (Disalin oleh -) 1941, *Nis Préah Réach Pngsavadar Khatiya Moharéach* (Kronikel diraja raja-raja yang agong). Oles no. 1364, 6 ikatan, 189 kepingan kertas.
- Pech, Botum Bârmei 1876?, *Sastra Vat Krauch* (Manuskrip pagoda Krauch). Manuskrip di perpustakaan *Institut Bouddhique*, Phnom Penh, No. d'inventaire 1049. Oles, 3 ikatan.
- Pech, Botum Bârmei 1958, *Røung Robar Khsat Srok Khmer: Les règnes de Ang Eng, Ang Chan et de Ang Duong* (Keturunan raja-raja negara Khmer: Pemerintahan raja Ang Eng, Ang Chan dan Ang Duong). Phnom Penh, Jld. I, 80 h.; *Robar Khsat Srok Khmer* (Sejarah Raja-raja negeri Khmer); Jld. II, p. 81-162; *Satra Lboeuk Robar Khsat Phèndei Outey Réachéa Ang Chan*.
- Sim Savan (Disalin oleh -) 1944, *Préah Réach Pongsavada Nokor Khmer* (Kronikel diraja negara Khmer). Phnom Penh: Institut Bouddhique. Oles no. 1403, 4 ikatan, 196 helaian kertas.
- Veang Thiuonn 1934, *Preah Réach Pongsavadar Krung Kampuchéathipadei* (Chronique royale du pays de Grand Kampuchéa), manuscrit K.53, 8 Jld.

DOKUMEN DALAM BAHASA LAIN

- Aymonier E. Cabaton A. 1906. *Dictionnaire Cam-Français*. Paris. XLVIII+ 587 hal.
- Aymonier E. 1889. "Grammaire de la langue chame" in *Excursions et Reconnaissances*. Jld. XIV, N° 31. p. 5-92.
- Bitard, Pierre. 1957. « Études khmères. Les membres de la famille royale du Cambodge et leurs titres d'après l'ordonnance de S. M. Ang Duong » in *BEFEO*, Jld. XLVIII, bhg. 2, p. 563-579.
- Cabaton, A. 1912. *Catalogue sommaire des manuscrits indiens, indochinois et malayo-polynésiens*. Paris: E. Leroux.
- Contes, Epopées. Textes versifiés*. 2003. (in CD) Diselenggarakan oleh Po Dharma, Abd. Karim, Nicolas Weber, Majid Yunos. Kuala Lumpur: Muzium dan Antikuiti Malaysia dan EFEO.
- Danny Wong Tze-Ken 2005. *Arkip Kerajaan Campa pada abad ke 17 hingga 19*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Campa (Warisan Tamadun Bangsa). 6-7 Disember 2004. Anjuran Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia dengan Kerjasama Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO).
- Lafont, P.-B. 1973. "La péninsule indochinoise"... mengenai pengkajian tentang kerajaan Campa (1922-1972) di p. 194-195.
- Lafont, P.-B. 1981. "Tinjauan tentang perkembangan penelitian Cam" in *Kerajaan Campa*. Jakarta: Balai Pustaka. p. 11-27.
- Lafont, P.-B. 1988. "Les recherches sur le Campa et leur évolution" in *Actes du Séminaire sur le Campa organisé à l'Université de Copenhague le 23 mai 1987*. Paris: CHCPI. p. 7-25.
- Lafont, P.-B. 1991. "Les grandes dates de l'histoire du Campa". Bab dalam buku *Le Campa et le Monde malais, actes de la conférence internationale sur le Campa et le Monde malais*. Paris: CHCPI. p. 7-26.
- Lafont, P.-B., Po Dharma & Nara Vija 1977. *Catalogue des manuscrits cam des bibliothèques françaises*, PEFEQ, Paris, p.261 .
- Mak Phoeun. 2003. "Notes sur les premiers établissements des Cam et des Malais dans les provinces de Chau-doc et de Tay-ninh (Sud du Vietnam)". Bab dalam buku *Péninsule indochinoise et Monde malais (Relations historiques et culturelles)*. Disusun oleh Po Dharma dan Mak Phoeun. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Ecole Française d'Extrême-Orient. p. 75-98.
- Mohamad Zain Bin Musa 1990. *Contributions à l'histoire du Pæ%uraßga (Campæ) (la fuite de PoD%ciD%briD)*. Thesis Ecole Pratique des Hautes Etudes, IVème Section à la Sorbonne. Paris.
- Mohamad Zain Bin Musa 1991. "Kehadiran orang Melayu dan orang Cam di Kemboja hingga awal abad ke XIX" dalam *Jebat*, N°, 19 Bangi: UKM, p. 3-13.
- Mohamad Zain Bin Musa 2001. "The Malay and the Cham's relations with the kingdom of Cambodia during and after the French Protectorate (1863-2000)" in *JMBRAS*. Vol. 74, Part 2. p. 1-21.
- Moussay, G. 1975. *Akayet Devamano*. Tesis EPHE, IVème Section à la Sorbonne. Paris.
- Nara Vija et Po Dharma 1976. "Etat de manuscrits cam (dalam simpanan EFEO)" in *Actes du XXIXe congrès international des Orientalistes*. Asie du Sud-Est Continental, Paris, Asiathèque. Jld. 2, 1976, p. 136-140.
- Nara Vija 1976. *Une épopée classique cam: inra patra. Présentation, texte et traduction*. Tesis Ecole Pratique des Hautes Etudes, IVème Section à la Sorbonne. Paris. p.297.

- Po Dharma 1978, *Les chroniques de Panduranga* Tesis EPHE, IVe section Sorbonne. Paris. p.207.
- Po Dharma 1981. "Kesusastaan Cam" in *Kerajaan Campa*. Jakarta: Balai Pustaka, p. 197-215.
- Po Dharma 1981, *Complément au Catalogue des manuscrits cam des bibliothèques françaises*, PEFFO, Paris,p. 89.
- Po Dharma 1987. *Le Panduranga (Campa) 1802-1835. Ses rapports avec le Viêtnam*. Paris: EFEO. 2 Jld.